



Memperkasakan Belia Malaysia

Fakta

Edisi 1/2010

www.ippbm.gov.my



RESEARCH

DISSEMINATION OF INFORMATION

NETWORKING

KEPIMPINAN DI KALANGAN BELIA PADA MASA HADAPAN

Membicarakan masalah pemimpin adalah sesuatu yang tidak pernah berkesudahan. Tidak terkecuali masa lalu, sekarang dan akan datang. Perbicaraan mengenai pemimpin banyak dibahaskan dan dianalisa dari pelbagai sudut. Sebenarnya kita masih mencari-cari di manakah kesinambungan kepimpinan generasi muda hari ini? Sudahkah kita menemui titik noktahnya?

Di dalam Pelan Tindakan Rancangan Malaysia ke-9 melalui Artikel Bab 14: Mengupaya Belia Untuk Masa Hadapan telah dijelaskan bahawa kepentingan usaha untuk mengupayakan golongan belia ini bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat, memupuk perpaduan serta membina nusa dan bangsa. Sehubungan itu, program akan dilaksanakan secara meluas untuk mewujudkan golongan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik serta melengkapkan mereka dengan kemahiran, keusahawanan dan pengetahuan. Penekanan juga akan diberikan kepada usaha membangunkan individu berwibawa yang mempunyai nilai kerohanian dan moral yang tinggi bagi melahirkan personaliti unggul.

Melalui Persidangan Majlis Perundangan Belia Negara Sidang 2, 2009 - 2010 yang berlangsung selama 2 hari di Palace Of Golden Horses pada 28 hingga 29 Disember 2009 yang lepas, YB Dato' Ahmad Shabery Cheek, Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan memperkenalkan Program Kepimpinan Elit bagi mendedahkan golongan belia mengenai aspek-aspek kepimpinan. Ini adalah sejajar dengan matlamat melahirkan pemimpin yang berkaliber pada masa hadapan di kalangan belia itu sendiri.

Dalam Artikel Bab 14: Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) didapati bahawa pada tahun 2005 seramai 41.5 peratus

daripada penduduk di Malaysia adalah terdiri daripada golongan belia. Dalam tempoh tersebut, golongan belia telah meningkat pada kadar purata 2.4 peratus setahun daripada 9.85 juta pada tahun 2000 kepada 11.10 juta pada tahun 2005, dan dianggarkan pada tahun 2010 seramai 11.65 juta. Ini menunjukkan peningkatan golongan belia di Malaysia.

Transformasi dan hala tuju kepimpinan belia dalam Persatuan Belia perlu digerakkan secara bersepadu untuk melahirkan pemimpin yang berkaliber di kalangan belia. Sudah tiba masanya golongan pemimpin muda di kalangan belia ini diberi tanggungjawab yang lebih serius untuk menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Sambungan....

Transformasi dan hala tuju kepimpinan belia dalam Persatuan Belia perlu digerakkan secara bersepadu untuk melahirkan pemimpin yang berkaliber di kalangan belia.

Penduduk mengikut umur, Malaysia 2010
Population by age, Malaysia 2010

Kumpulan Umur Age Group	Jumlah Total	Warganegara Malaysia Malaysia Citizens							Bukan warganegara Malaysia Non-Malaysia citizens
		Jumlah Total	Bumiputera	Melayu Malay	Bumiputera lain Other Bumiputera	Cina Chinese	India Indian	Lain-lain Other	
Jumlah / Total									
15 - 19	2,646,135	2,548,123	1,823,433	1,489,105	334,328	512,152	170,895	41,643	98,012
20 - 24	2,553,047	2,442,423	1,717,509	1,404,789	312,720	517,503	171,946	35,465	110,624
25 - 29	2,378,080	2,225,347	1,531,967	1,249,339	282,628	500,162	164,033	29,185	152,733
30 - 34	2,111,549	1,851,466	1,211,260	980,281	230,970	466,935	151,238	22,033	260,083
35 - 39	1,925,924	1,660,763	1,046,792	845,936	200,856	452,354	142,359	19,267	265,161
Jumlah / Total	11,614,735	10,728,122	7,330,961	5,969,450	1,361,502	2,449,097	800,471	147,593	886,613

Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia 2010

....Sambungan

Dalam menuju era globalisasi, masyarakat haruslah memberi peluang kepada generasi muda ini untuk menjadi pemimpin bagi memantapkan lagi corak kehidupan dan kehendak golongan ini. Namun kebelakangan ini, terdapat beberapa perkara yang buruk berkaitan dengan belia. Di media saban hari kita mendengar berita-berita yang kurang enak mengenai golongan tersebut. Justeru, bagaimanakah kita bertindak sebagai generasi akan datang untuk menjadi pemimpin yang disegani dan dihormati? Inilah yang menjadi kemelut masyarakat kita dan cabaran paling utama demi menjadi pemimpin pada masa akan datang.

Jika dilihat perbezaan belia suatu ketika dahulu, golongan belia adalah nadi dan tunggak kepada pembangunan masyarakat. Golongan ini telah banyak memberi sumbangan dan menitiskan keringat memperjuangkan pembaharuan sehingga sanggup berkering tekak dan bertikam lidah demi memastikan matlamat dan wawasan perjuangan mereka termakbul.

Sejarah terdahulu telah merakamkan sumbangan golongan belia dalam mencipta kegemilangan ilmu pengetahuan, keamanan, dan perpaduan. Sebagai contoh, Muhammad Al-Qasim, pemuda yang telah menerangi tanah India dengan nur Islam di zaman khalifah Umawiyah; Imam al-Syafi'i menjadi ilmuan ulung ketika mudanya, bahkan telah menjadi mufti ketika berusia sembilan tahun; Muaz ibnu Jabal, panglima perang yang berjaya menawan Kota Andalus, dan ramai lagi belia-belia Islam yang telah memahat kejayaan besar dalam lipatan sejarah manusia.

Namun kini, generasi belia kita dianggap lesu dan tidak bermaya. Tiada lagi kedengaran suara-suara dari pejuang muda atau kelihatan tokoh-tokoh muda yang patut dibanggakan oleh masyarakat. Persoalannya, bagaimanakah ini boleh terjadi? Adakah disebabkan masyarakat kita banyak disogok dengan berita-berita yang tidak enak tentang golongan belia yang menjadi bahan berita yang sensasi menyebabkan golongan yang berjaya kurang diberi perhatian?

Belia perlu diberi ruang dalam bidang penting sama ada ekonomi, pendidikan dan sebagainya terutama dalam dunia teknologi maklumat.

Belia yang seimbang dari segi semangat kenegaraan, semangat kekitaan dan mempunyai tahap intelektual tinggi menjadi matlamat utama negara. Namun jika pendekatan yang digunakan tidak bersesuaian terhadap golongan ini, mereka lebih menjurus ke arah sesuatu bidang seperti hiburan dan sukan sahaja. Sikap yang bertanggungjawab dan berani meluahkan pendapat serta mampu berkongsi idea boleh menjadikan belia tersebut menjadi seorang pemimpin yang berkemahiran dalam pelbagai aspek seperti komunikasi, pengurusan dan *interpersonal* selain mempunyai personaliti yang baik.

Usaha untuk membentuk belia yang berwawasan harus diambil kira faktor perkembangan semasa supaya sejajar dengan kehendak dan keperluan terkini. Namun, nilai-nilai tempatan harus dipertahankan agar nilai global tidak terlalu mendominasi golongan belia ini sebagai peneraju masa hadapan. Dalam mengatur pendekatan yang sesuai, perbezaan kaum juga harus diambil kira agar segala perancangan yang ingin dijalankan akan sampai kepada semua golongan belia tanpa mengira bangsa mereka. Keharmonian di kalangan pelbagai kaum mungkin akan tercapai jika semua kaum sedia berbincang semua perkara bersama tanpa mengambil kira status kedudukan mereka dalam negara.

Pendidikan merupakan bidang yang harus dieksploitasikan dalam rangka yang lebih luas bagi usaha melahirkan golongan belia yang lebih kreatif dan mampu berfikir di luar kotak pemikiran biasa. Pendidikan juga harus diterokai untuk meningkatkan budaya penyelidikan di kalangan belia di negara ini.

Lantaran itu, menjadi tanggungjawab para belia kini untuk mendidik dan mempersiapkan diri dengan pelbagai keupayaan yang ada. Bagaimanakah kaedah untuk mendapatkan persediaan yang benar-benar mantap? Mereka mestilah mengambil peluang yang sedia ada ini agar tidak menyesal di kemudian hari kerana menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak berguna lagi.

Tinta CEO

KEPIMPINAN

Pemeriksaan Pembangunan Insan dan Gerakan Belia menjadi Teras Strategi Kedua dalam Pelan Strategi Kementerian Belia dan Sukan 2010-2015. Bagi melaksanakan teras ini, KBS akan memberi fokus secara khusus kepada isu-isu dan nilai-nilai kepimpinan (*leadership*) dan pembentukannya di kalangan belia seperti mana yang telah diperjelaskan oleh YB Menteri Belia dan Sukan.... "KBS mesti memberi tumpuan kepada Kepimpinan, Kepimpinan dan Kepimpinan..". Melahirkan pemimpin yang mempunyai nilai kepimpinan yang luhur akan menjadi bidang keberhasilan utama KBS. Apakah yang dimaksudkan dengan "kepimpinan". Di dalam Islam Rasulullah s.a.w. menggunakan istilah "ra'in" yang membawa maksud pelindung (*protector*), penjaga (*guardian*) dan gembala (*shepherd*) yang membawa makna kepimpinan. Manakala dari segi nilai kepimpinan dalam Islam ianya berasaskan kepada berapa unsur penting seperti amanah, kasih sayang, keadilan, tidak pilih kasih atau berat sebelah, penjagaan rapi dan rasa tanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan pihak yang dipimpinya.

Chester Irving Barnard (1886 – 1961) yang terkenal dengan bukunya *Functions of the Executive* menyatakan "*Leadership is the ability of a superior to influence the behaviour of a*

subordinate or group and persuade them to follow a particular course of action."

Nilai-nilai kepimpinan biasanya diterjemah sebagai aspek-aspek yang meliputi kompetensi, integriti, ketepatan berfikir, dedikasi, jujur, berwibawa, bersemangat sepasukan, cemerlang, bertanggungjawab, bertolak ansur, cekap, menghormati, mencabar, inovatif, tegas, cara serta teknik berkomunikasi dan sebagainya.

Bagi menentukan pencapaian fokus KBS terhadap kepimpinan, Skor Indikator Kepimpinan di bawah domain Potensi Diri dalam Indeks Belia Malaysia boleh dijadikan sebagai penanda aras (*benchmark*). Skor Indikator kepimpinan berada pada skor 67.2 pada tahun 2006 dan skor ini menurun kepada 65.3 pada tahun 2008. Walaupun kedua-dua skor ini berada pada tahap baik, tetapi bagi memastikan pembentukan kepimpinan sebagai bidang keberhasilan utama KBS dapat dicapai, maka ianya menuntut nilai-nilai tertentu dalam perancangan, penyelarasan, pengisian dan pelaksanaan program yang kreatif dan inovatif serta mampu memberikan kesan yang boleh diukur.

Ketua Pegawai Eksekutif, IPPBM

Sidang Redaksi

Penaung

YB. Dato' Ahmad Shabery Bin Cheek
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Penasihat

Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang

Hj. Zakariah Md. Sam

Ketua Editor

Nadya Shaffnaz Bajuri

Sidang Redaksi

Suraya Sulaiman
Zul Fadhli Abd. Aziz
Mastura Mohamad
Shariffah Mamat
Shahhanim Yahya
Nor Hamidah Hamzah
Nuurul Mizaan Ya'cob

Publisiti

Raja Shahida Raja Hassan
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada

info@ippbm.gov.my

Sifat-sifat Pemimpin Mengikut Pandangan Islam

1. Berlapang dada
2. Pemaaf
3. Amalkan prinsip Syura (mesyuarat)
. وشاورهم في الأمر فاذا عزمتم فتوكل على الله
4. Sabar dan tabah
5. Tegas dan diplomasi
6. Keadilan dan persamaan
العدالة والمساواة
7. Peribadi dan watak yang sempurna

Rasulullah Sebagai Contoh Pemimpin Yang Baik

لقد كان لكم في رسول الله أسوة حسنة الآية .

"Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah s.a.w. itu terdapat uswah/ccontoh ikutan yang terbaik"

Sebagai umat Islam kita hendaklah merujuk kepada Rasulullah s.a.w. sebagai ikutan (*role model*) dalam kepimpinan.

Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.



Kajian Belia Berijazah Yang Menganggur: Impak Sosial, Ekonomi dan Politik

Insiden pengangguran di kalangan belia pada masa ini masih lagi dianggap signifikan. Bilangan keluaran graduan tahunan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dianggarkan berjumlah 200,000 orang. Keupayaan sektor pekerjaan awam dan swasta untuk menyerap mereka adalah terhad serta dipengaruhi oleh banyak faktor. Sehubungan itu, kajian ke atas belia berijazah menganggur telah dilaksanakan yang berfokus kepada profil belia menganggur, keperluan, status dan keadaan (*situational*) belia di samping menilai impak ke atas keadaan sosial, ekonomi dan politik negara.

Melalui kajian yang telah dilaksanakan dengan menggunakan senarai pencari kerja (*job seekers*) yang berdaftar di Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi serta agensi-agensi berkaitan, sebanyak 5,388 responden telah diperolehi sebagai sampel kajian. Sehubungan itu, analisa kajian yang telah dijalankan ke atas responden dan dapatan yang diperolehi adalah sepertimana berikut:-

Status Pekerjaan

- Sebanyak 33% daripada responden kajian bekerja di bawah kelayakan, 34% responden melanjutkan pelajaran dan 33% responden tidak bekerja.
- Sebanyak 88% belia yang menganggur adalah pencari kerja yang aktif.
- Tempoh menunggu untuk mendapatkan pekerjaan adalah i) kurang daripada 6 bulan adalah 52%, ii) melebihi 6 bulan tetapi kurang 1 tahun 34% dan iii) 14% melebihi 1 tahun mencari pekerjaan.
- Sebanyak 70% mencari pekerjaan menggunakan khidmat agensi, akhbar dan internet dan sebanyak 53% beranggapan maklumat pasaran pekerjaan tidak mencukupi dan sukar untuk diakses.
- Hampir 80% menyatakan mereka tidak pernah menerima perkhidmatan kaunseling selepas menamatkan pengajian dan hanya 39% yakin untuk memperoleh pekerjaan dalam tempoh 6 bulan akan datang.

Personaliti Kerjaya

- Penilaian personaliti kerjaya menggunakan kaedah model Dr. J. Holland.
- Profil Personaliti Kerjaya menunjukkan personaliti sosial 82%,

konvensional 74%, penyelidikan 74%, artistik 73%, usahawan 73%, dan teknikal 44%.t

Ekonomi

- Kajian juga dijalankan bagi melihat tanggungan kewangan belia iaitu menggunakan proksi perbelanjaan ke atas beberapa item terpilih.
- Purata perbelanjaan sebulan belia berijazah menganggur dalam item telefon ialah RM76, internet RM63, hiburan RM73, pengangkutan RM67, peribadi RM104, makan di luar RM117, sukan RM52, perubatan RM63 dan tempat tinggal RM122.
- Tanggungan ke atas pembiayaan pendidikan adalah sebanyak 36% bagi PTPTN, 17% MARA dan JPA, Yayasan Negeri 16% dan institusi kewangan 10%.

Aktiviti Sosial

- Analisa yang dijalankan mendapati sebanyak 20% belia menganggur yang berpersatuan, dan majoritinya 80% tidak berpersatuan.
- Hanya sebanyak 18% yang menyertai program Kementerian Belia dan Sukan.
- Sebanyak 65% menggunakan masa lapang dengan aktiviti bersukan, 64% *window shopping*, 61% mengunjungi rakan, 55% melayari internet dan 48% menonton wayang (hiburan).

Isu-isu Belia

- Isu pekerjaan mendapat perhatian yang tertinggi dengan skor 82%, pendidikan 81%, program pembangunan belia 58% dan akhlak 57%.
- Isu pekerja asing mendapat perhatian yang paling rendah iaitu hanya 35%.



- Belia yang kerap mengikuti perkembangan politik adalah sebanyak 60% dan hanya 23% yang berminat dengan politik.
- Sebanyak 53% mendaftar sebagai pengundi dan yang mengundi pada PRU12 daripada jumlah tersebut adalah sebanyak 72%.
- Potensi belia yang akan mendaftar sebagai pengundi mencapai 82% dan yang akan mengundi pada PRU13 mencapai 91%.

Penemuan yang diperolehi daripada penyelidikan yang telah dijalankan jelas menunjukkan bahawa sebenarnya keperluan realistik belia ialah pembangunan kerjaya. Kerjaya sewajarnya menjadi kerangka induk (*main framework*) manakala keperluan idealistik menjadi item pelengkap. Kesempurnaan belia boleh diukur dari sudut kecemerlangan dalam kerjaya. Bagi belia yang berjaya dalam kerjaya, elemen-elemen positif akan hadir dengan sendirinya. Dalam erti kata lain, pembentukan sahsiah, jatidiri dan sikap belia yang positif akan terbentuk setelah mereka menjadi seorang pekerja yang cemerlang.

e-BELIA

Menyedari kesulitan dalam mengurus pembangunan belia di pelbagai peringkat di Malaysia, pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah bertanggungjawab mewujudkan satu sistem pangkalan data maklumat belia yang dikenali sebagai e-Belia. e-Belia merupakan satu pangkalan data yang mengandungi maklumat profil belia seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat serta maklumat lain yang berkaitan.

Bermula Julai 2008, pihak KBS dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya telah memulakan gerakan pengumpulan data dengan menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kawasan *pilot* pengumpulan. Seterusnya gerakan tersebut diperluaskan ke seluruh negara dengan membuat edaran borang ke peringkat negeri, daerah, persatuan-persatuan belia dan sukan serta Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Satu sistem telah dibangunkan untuk tujuan kemasukan data borang-borang yang telah dikumpulkan dan memberi kemudahan pendaftaran secara *online*. Golongan belia yang mendaftarkan maklumat profil mereka ke dalam sistem ini berpeluang menjadi kumpulan yang terawal untuk mengetahui maklumat berkaitan peluang-peluang melanjutkan pelajaran di Institusi di bawah KBS, menerima jemputan menyertai program-program KBS yang berhampiran dengan alamat mereka dan mendapat maklumat berkaitan pembangunan ekonomi belia.

Kewujudan e-Belia dapat memudahkan pihak KBS dan agensi yang berkaitan mengenalpasti kumpulan sasaran untuk menjayakan dasar, program dan aktiviti pembangunan belia. e-Belia juga mewujudkan satu jaringan perkongsian maklumat yang dapat memberi manfaat kepada semua pihak di samping dapat memperkukuhkan sistem penyampaian maklumat dan memperluaskan capaian maklumat program-program yang dianjurkan oleh pihak KBS dan golongan belia di seluruh negara.



Rajah 1:
Laman
Sistem
e-Belia

The Importance of Staffing to Organizational Leaders

“Staffing is absolutely critical to the success of every company. To be competitive in today’s economy, companies need the best people to create ideas and execute them for the organization. Without a competent and talented workforce, organization will stagnate and eventually perish. The right employees are the most important resources of companies today”.

*Gail Hyland-Savage
Chief Operating Office*

Michaelson, Connor and Bowl – Real Estate and Marketing.

“GE’s 100-year-plus track record is simply about having the very best people at every single position. That is its No. 1 core competency. No one has better people. No one else’s bench strength comes even close. It’s that obsession with people that requires all GE leaders to spend a huge amount of their time on human resources process – recruiting, reviewing, tracking, training, mentoring, succession planning. When I was at GE, I spent over half of my time on people-related issues. When you get the best people, you don’t have to worry as much about execution, because they make it happen”.

*Larry Johnston
Chief Executive Officer
Alberton’s – Retail Grocery*

“The new economy, very much the internet and the entrepreneurial opportunities it created, intensified the competition for outstanding people. And we started to grow a size and scope where it was important for us not only to get outstanding people but also to get them in significant numbers. So the emphasis shifted towards making to people value propositions that were the absolute best could be”.

*Rajat Gupta
Managing Director
McKinsey & Company – Consulting*

“I think about this hiring, because our business all comes down to people... In fact, when I’m interviewing a senior job candidate, my biggest worry is how good they are at hiring. I spend at least half the interview on that”.

*Jeff Bezos
Chief Executive Officer
Amazon.Com – Internet Merchandising*

“The time and money spent on finding good employees at GEMA are considerable, but so is the payoff in terms of workforce creativity. The amount of time from problem to solution is shorter than I have ever seen it in my 17 years at Chrysler”.

*Mark Dunning
Senior Manager of Human Resources
Global Engine Manufacturing Alliance,
Chrysler – Automotive Manufacturing*

Sumber: Staffing Organizations, 6th Edition. Herbert G. Henemen III & Timothy A. Judge.NBNN

Peralihan Kepimpinan Belia di Bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007

“*Belia Tunggak Negara*” merupakan satu frasa yang sering dilaungkan oleh kepimpinan negara dari dahulu sehingga kini. Realitinya adalah benar bahawa golongan belia merupakan aset yang amat bernilai, dimana belia adalah pewaris kesinambungan kepimpinan negara di masa hadapan. Berpaksakan kepada perkara ini maka satu undang-undang yang dinamakan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) telah dikuatkuasakan bermula pada tahun 2007 yang menjurus kepada mengawal selia kepimpinan belia dalam pertubuhan belia di Malaysia. Dengan wujudnya akta ini maka kepimpinan dalam pertubuhan belia telah berubah wajah berbanding dahulu. Namun, apakah yang dimaksudkan dengan perubahan tersebut?

Perubahan yang dimaksudkan adalah memudahkan keahlian dalam pertubuhan belia dan sekaligus kepimpinan dalam pertubuhan belia itu sendiri. Jika dahulu pertubuhan belia di negara ini dianggotai dan dipimpin oleh pemimpin yang berumur 40 tahun ke atas tetapi sebaliknya pada masa kini keanggotaan dan kepimpinan dalam pertubuhan belia itu telah dihadkan iaitu belia yang berumur 15 hingga 40 tahun. Had umur ini telah diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) yang mana mentafsirkan bahawa “*belia adalah seseorang yang berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun*”.

Perubahan ini telah memberi makna yang besar kepada golongan muda di Malaysia kerana apabila bermulanya

pergerakan pertubuhan belia di negara ini, kepimpinan pertubuhan belia tersebut seharusnya dipelopori oleh golongan muda yang mana mempunyai idea-idea baru dan kreatif. Jika dilihat kepada sejarah pertubuhan belia itu sendiri ia telah menjadi kilang kepada kepimpinan negara pada masa sekarang. Kita boleh lihat beberapa nama besar yang telah memimpin negara yang mana latar belakang kepimpinannya datang daripada pertubuhan belia. Antaranya ialah Tun Abdullah Ahmad Badawi (Gabungan Pelajar Semenanjung Malaysia (GPMS), YAB. Dato’ Seri Ali Rustam (Gerakan Belia 4B) dan YB. Dato’ Seri Khir Toyo (Majlis Belia Malaysia).

Peralihan kepimpinan kepada golongan muda ini adalah amat diperlukan kerana golongan muda amnya cukup berbeza pandangan hidup dan aspirasi berbanding generasi lama.

Zaman yang mana aktiviti membina jati diri yang mudah diperturunkan dari generasi lama kepada golongan muda kian sayup pergi, maka peralihan kepimpinan kepada golongan muda ini perlu dilihat sebagai cabaran kepada mereka untuk mempermudah semula program-program belia agar ia lebih relevan pada masa mendatang.


Walaupun pelbagai cabaran yang bakal dihadapi, peralihan kepimpinan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) tidak boleh dilihat sebagai penghalang untuk generasi lama memberi sumbangan bakti dalam pertubuhan belia. Khidmat nasihat dan pandangan generasi lama akan dapat membantu kepimpinan baru yang ditadbir oleh golongan muda mentadbir pertubuhan belia dengan lebih cemerlang.

Ulasan Buku Pilihan



Tajuk : Membina Karakter Remaja Terapeutik
Penulis : Amer Shakir Zainol & Mohd Badrulddin Hj. Anuar
Penerbit : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM Shah Alam
Tahun : 2006

Membina Karakter Remaja Terapeutik merupakan buku yang mengandungi banyak petua untuk dijadikan panduan menuju kecemerlangan dan boleh dijadikan rujukan dalam menghadapi cabaran demi masa depan yang gemilang. Ia memberi suntikan semangat untuk membina jati diri yang utuh dan juga membina kembali potensi diri. Buku ini juga memberi panduan bagaimana kita mengenali diri sendiri dan mencari keyakinan untuk menjadi insan yang lebih berjaya dengan mengenali kelemahan dan kekuatan diri sendiri. Apabila prestasi diri dapat dicungkil dan seterusnya membina matlamat masa depan yang jelas, maka kita akan memperoleh kejayaan.



Tajuk : Developing Communities For The Future (3rd Edition)
Penulis : Susan Kenny
Penerbit : Thomson
Tahun : 2006

Developing Communities For The Future is now even more comprehensive in its approach to community development. This edition not only provides an introduction to the theoretical foundations of community development, it also introduces contextual factors such as risk society, the rise of fundamentalism and the putative clash of cultures. It includes discussion of the new roles and relations within the state such as the partnership state, the surveillance state and the neo-authoritarian state. In addition, a new chapter focusing on dimensions of diversity, theories of diversity and cross-cultural competence, has been introduced.